

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Lima lagi kematian direkodkan akibat wabak

153 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan 1,183 kes

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Ahmad Suhael Adnan
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lima lagi kematian akibat COVID-19 direkodkan pada Rabu lalu dan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat pandemik itu di negara ini mencecah lapan kes.

Perkara itu disahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, dalam satu kenyataan di akaun Facebook rasminya, semalam.

"Dukacita dimaklumkan bahawa sehingga kini, terdapat pertambahan empat lagi kes kematian berkaitan COVID-19 yang telah dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Pelaporan terbaru ini menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kepada lapan sehingga kini," katanya.

Pada sidang media petang semalam, Dr Noor Hisham memaklumkan jumlah kematian akibat wabak itu di Malaysia adalah empat kes susulan satu kematian keempat pada jam 1.30 pagi semalam, membabitkan kes ke-238 yang juga kluster jemaah tabligh.

Kes kematian keempat itu membabitkan seorang lelaki berusia 50 tahun itu yang dimasukkan ke Hospital Melaka pada 12 Mac dengan gejala Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI), sebelum kesihatannya semakin merosot dan disahkan meninggal dunia awal pagi semalam.

Berhubung kes kematian kelima hingga ke lapan, Dr Noor Hisham memaklumkan, ia membabitkan warga Malaysia dengan dua di Sarawak yang juga ibu dan anak, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Kelantan.

Jelasnya, kes kelima adalah wanita berusia 79 tahun yang dimasukkan ke Borneo Medical Centre pada 16 Mac lalu selepas demam dan batuk selama lima hari, sebelum dibawa pulang oleh keluarga pada 17 Mac.

"Wanita itu disahkan meninggal pada 18 Mac lalu. Beliau mempunyai kontak dengan dua orang lagi yang disahkan positif, iaitu anak lelaki dan anak perempuannya.

"Kes kematian keenam membabitkan anak perempuan kes kematian kelima. Beliau yang berusia 40 tahun dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada 18 Mac 2020 setelah mengalami demam dan batuk sejak 7 Mac, se-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Jangkitan COVID-19 di negara ini dijangka meningkat dalam tempoh dua minggu susulan masih ada jemaah tabligh yang belum menjalani saringan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

belum disahkan positif COVID-19 pada 19 Mac 2020 dan diberi bantuan pernafasan pada hari sama setelah didapati keadaan kesihatan beliau semakin merosot.

"Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 1.20 tengah hari, hari ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ketujuh membabitkan seorang lelaki berusia 57 tahun, mempunyai sejarah ke Vietnam dan kontak dengan kes positif COVID-19 dari kluster tabligh.

Katanya, lelaki itu dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 18 Mac lalu akibat demam, batuk dan sakit tekak selama seminggu, namun kesihatannya merosot sehingga memerlukan bantuan pernafasan, sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 3.22 petang semalam.

Kes kematian kelapan, katanya, membabitkan seorang lelaki berusia 69 tahun, juga daripada kluster tabligh dan dimasukkan ke Hospital Tumpat pada 16 Mac lalu susulan demam sejak 12 Mac.

"Beliau dipindahkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu pada 18 Mac setelah kesihatannya merosot dan memerlukan bantuan alat pernafasan pada keesokannya.

"Beliau disahkan meninggal dunia hari ini (semalam) pada jam 4 petang. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka," katanya.

Sementara itu, KKM merekodkan 27 kes yang sudah pulih dan dibenarkan keluar dari hospital semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya serta dibenar pulang dari wad sebanyak 114 kes.

Sehingga tengah hari semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 153 kes baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di negara ini kepada 1,183 kes.

Berdasarkan siasatan awal, katanya, 90 kes daripada 153 kes baharu yang dilaporkan semalam berkaitan dengan kluster tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling sebelum ini.

"Seramai 37 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 23 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Berpandukan statistik dunia bahawa kematian akibat COVID-19 berada pada paras 4.5 peratus, beliau berkata, kadar kematian di negara ini jauh lebih rendah.

"Ketika ini jumlah pesakit di Malaysia melebihi 1,000, namun jumlah kematian tidak mencecah 45 orang," katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, jangkitan COVID-19 di negara ini dijangka meningkat dalam tempoh dua minggu susulan masih ada jemaah tabligh yang belum menjalani saringan.

Katanya, lebih 50 peratus kes positif COVID-19 di negara ini ketika ini, berpunca daripada kluster jemaah tabligh.

"Mereka kembali ke negeri masing-masing dari Perlis hingga ke Sabah. Bukan saja negeri, daerah pun terbahit.

"Ttu sebabnya kita minta jemaah tabligh tampil menjalani ujian saringan. Jika ada yang positif dan masih dalam komuniti, mereka akan menjangkiti orang lain dan ini yang kita bimbangkan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sudah bersedia berdepan dengan tahap keempat iaitu fasa mitigasi jangkitan COVID-19.

Beliau berkata, KKM sudah memperkasakan hospital dengan memperuntukkan 26 hospital Kementerian Kesihatan dan satu hospital universiti bagi tujuan menanganai penularan wabak COVID-19.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Kes kematian akibat positif Covid-19 di Malaysia

17 Mac 2020

- Seorang paderi berusia 60 tahun di Hospital Umum Sarawak, Kuching.
- Merupakan kes ke-178 positif Covid-19.
- Mangsa mempunyai sejarah sakit kronik sebelum ini.

- Lelaki tempatan berusia 34 tahun di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.
- Merupakan kes ke-358 positif Covid-19.
- Terlibat perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

20 Mac 2020

- Lelaki tempatan berusia 58 tahun di Hospital Tawau, Sabah.
- Merupakan kes ke-152 positif Covid-19.
- Terlibat perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

21 Mac 2020

- Lelaki tempatan berusia 60 tahun yang dirawat di Hospital Melaka sejak 12 Mac lalu.
- Merupakan kes-238 positif Covid-19.
- Terlibat perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

- Wanita berusia 79 tahun dan anak perempuannya berusia 40 tahun yang dirawat di Hospital Umum Sarawak, Kuching.
- Mangsa pertama meninggal dunia pada jam 2 pagi pada 18 Mac lalu.
- Bagaimanapun, laporan keputusan ujian makmal lambat diterima oleh pihak hospital.

- Lelaki warga tempatan berusia 57 tahun yang dirawat di Hospital Kuala Lumpur.
- Mangsa mempunyai sejarah perjalanan ke Vietnam dan kontak dengan kes positif Covid-19 juga daripada kluster tabligh.

- Lelaki warga tempatan berusia 69 tahun yang dirawat Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.
- Terlibat perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

Malaysia catat empat kematian baharu

Menjadikan jumlah kematian keseluruhan akibat Covid-19 kini seramai lapan orang

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN dan NURHIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan empat kematian baharu akibat wabak coronavirus (Covid-19) semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kematian kini mencecah lapan orang.

Sebelum ini, tiga kematian dilaporkan membabitkan seorang paderi di Sarawak dan dua lelaki masing-masing di Sabah dan Johor yang terlibat dengan perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian keempat semalam membabitkan seorang lelaki yang juga daripada kluster jemaah tabligh berkenaan.

Beliau berkata, lelaki berusia 50 tahun yang dirawat di Hospital Melaka pada 12 Mac lalu mengalami gejala *Severe Acute Respiratory Infection*.

Menurutnya, mangsa diberikan bantuan mesin pernafasan pada hari kelima dimasukkan di wad isolasi.

"Bagaimanapun, katanya, tahap kesihatan mangsa semakin merosot ketika dalam penjagaan di unit rawatan rapi



Dr Noor Hisham pada sidang akhbar berkaitan Jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

(ICU) sebelum meninggal dunia jam 1.30 pagi semalam (kelmarin), kurang 24 jam daripada kematian ketiga," katanya pada sidang media di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menerusi status Facebook beliau petang semalam mengesahkan empat lagi kes kematian dilaporkan.

Menurutnya, kes kelima membabitkan seorang wanita tempatan berusia 79 tahun yang telah dimasukkan ke Borneo Medical Centre, Sarawak pada Isnin lalu setelah mengalami demam dan batuk selama lima hari.

"Pada hari kedua, wanita itu mengalami kesukaran bernafas namun keluarga tidak mempersetujui dia diberi bantuan alat pernafasan," katanya.

Menurutnya, wanita itu kemudian dibawa pulang oleh keluarga pada Selasa lalu dan disahkan meninggal dunia pada keesokan harinya iaitu Rabu.

Nor Hisham berkata, kes kematian keenam pula melibatkan anak perempuan kepada wanita berusia 79 tahun itu.

"Kes ini melibatkan seorang wanita warga tempatan berumur 40 tahun yang dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada Rabu lalu setelah mengalami demam dan batuk sejak 17 Mac lalu.

"Dia disahkan meninggal dunia pada jam 1.20 tengah hari ini (semalam)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kematian ketujuh pula melibatkan seorang lelaki warga tempatan berusia 57 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Vietnam dan kontak dengan kes positif Co-

Kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 1,183

PUTRAJAYA - Kes positif Covid-19 di Malaysia terus mencatat peningkatan apabila sebanyak 153 kes baharu dilaporkan setakat 12 tengah semalam menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,183 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 90 kes adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Sehingga kini, seramai 37 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 23 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat 27 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepeenuhnya dan discaj daripada wad adalah sebanyak 114 kes," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini semalam.

vid-19 juga daripada kluster tabligh.

Beliau berkata, lelaki itu dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada Rabu lalu selepas mengalami gejala demam, batuk dan sakit tekak selama seminggu.

Sementara itu, bagi kes kematian kelapan pula, katanya, ia membabitkan seorang lelaki warga tempatan berusia 69 tahun juga daripada kluster tabligh.

"Lelaki itu telah dimasukkan ke Hospital Tumpat, Kelantan pada Isnin lalu selepas mengalami gejala demam sejak 12 Mac.

"Beliau dipindahkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu pada Rabu lalu selepas didapati keadaan kesihatannya merosot dan kemudian memerlukan bantuan alat pernafasan pada keesokannya.

"Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 4 petang tadi (semalam)," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : MEMERANGI COVID-19

Wad Jabatan Pediatrik di Hospital Selayang ditutup

KUALA LUMPUR - Wad Jabatan Pediatrik Hospital Selayang di sini ditutup buat sementara waktu bermula semalam susulan dua kakitangan jabatan itu disahkan positif koronavirus (Covid-19).

Pengarahnya, Dr Sakinah Alwi berkata, susulan itu pihak hospital tidak akan menerima sebarang rujukan atau kemasukan pesakit baharu sepanjang tempoh itu.

Menurutnya, pesakit sedia ada juga tidak dibenarkan pulang sehingga siasatan lanjut kes tersebut selesai.

“Dua kakitangan daripada Jabatan Pediatrik Hospital Selayang telah disahkan positif Covid-19 dan pihak hospital terpaksa menutup semua wad pediatrik buat sementara ini.

“Pihak Jabatan Kesihatan dan Trauma Hospital Selayang juga diminta *triaging away* (urus keluar) semua kes pediatrik ke hospital lain,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebanyak 45 kes Covid-19 di Perak, dua dirawat di ICU

SHAH ALAM - Terdapat 45 kes koronavirus (Covid-19) termasuk dua pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh di Perak sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, salah seorang pesakit ICU terbabit merupakan Pakar Perubatan Perubatan Kecemasan (*Emergency Medicine Physician*) daripada sebuah hospital Kementerian Kesihatan (KKM) di Perak.

Menurut Dr Noor Hisham, pesakit berkenaan merupakan staf kesihatan KKM kedua yang memerlukan bantuan pernafasan di ICU, manakala seorang lagi pesakit berusia 63 tahun merupakan peserta perhimpunan Ijtimak Tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

“Kedua-dua pesakit kini berada dalam keadaan kritikal tetapi stabil. Tiada kematian seperti mana yang ditularkan di media sosial,” katanya dalam entri Facebook beliau semalam.



Foto yang turut dimuat naik di Facebook Dr Noor Hisham semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : WAWANCARA

'Kita mesti menang lawan virus paling bahaya'

Datuk Seri Dr Adham Baba mengangkat sumpah sebagai Menteri Kesihatan pada 10 Mac lalu ketika wabak koronavirus Covid-19 sudahpun memasuki gelombang kedua di Malaysia. Kini, wabak itu telah menjadi bencana kesihatan yang dianggap terburuk dunia. Sebanyak 186 negara terlibat dengan 284,008 kes positif dan 11,838 kematian. Di Malaysia, kes pesakit disahkan positif Covid-19 naik kepada 1,183 kes dengan lapan kematian. Senario itu bagaikan suatu beban dan juga tanggungjawab yang terpaksa dipikul pada bahu Menteri Kesihatan Malaysia

yang baharu.

Dalam wawancara eksklusif bersama Timbalan Pengarang Berita *Sinar Harian*, Zuki Pileh dan wartawan Nurul Riduan Nor Ashaha pada Khamis lalu, Dr Adham berterus-terang mengenai kemungkinan langkah kuarantin yang lebih ketat di rumah melibatkan semua rakyat terpaksa dilakukan seandainya Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa hingga 31 Mac ini gagal. Beliau juga berkongsi tentang betapa bahayanya virus baharu itu yang sedang melanda dunia sekarang.



SINAR AHAD: Apakah perasaan Datuk Seri dan bagaimanakah cara Datuk Seri mendepani isu kesihatan terkini yang dianggap terburuk di dunia?

DR ADHAM: Saya mempunyai latar belakang sebagai doktor perubatan. Apabila saya dilantik sebagai Menteri Kesihatan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, saya tahu bahawa penularan wabak Covid-19 ini bukan perkara yang remeh. Sebab itu saya tanpa lengah terus mendapatkan segala taklimat daripada pihak kementerian iaitu pada petang yang sama selepas saya angkat sumpah pada 10 Mac lalu.

Gelombang pertama adalah kes-kes yang dibawa dari luar negara khususnya China. Jadi, saya terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk meninjau bentuk dan peranan barisan hadapan kita. Saya ingin tahu bagaimana mereka mengesan dan menyaring pelawat yang datang dari luar negara.

Saya dapati saringan itu bertepatan dengan prosedur operasi standard dalam menangani kemasukan wabak dari luar negara. Apabila saya dapati kawalan di pintu masuk dapat dikawal dengan baik, saya rasa lebih yakin gelombang pertama dari Wuhan, China itu akan berakhir.

Malangnya, gelombang kedua muncul dan ia daripada kluster dalam negara kita sendiri. Walaupun kluster gelombang pertama telah berakhir tetapi rupa-rupanya kita dapat 'anak' daripada gelombang pertama itu. Kluster baharu itu muncul selepas hampir 16,000 orang jemaah tabligh berkumpul di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur dari 27 Februari hingga 1 Mac lalu yang melibatkan 14,500 rakyat Malaysia dan lebih 1,500 rakyat negara luar.

Tiba-tiba satu kes pesakit positif Covid-19 dikesan di Brunei dan pesakit

itu didapati ada sejarah datang ke Masjid Sri Petaling sebagai jemaah tabligh. Dari situ kita terus dapati sudah ada gelombang kedua iaitu kluster tabligh.

Saya kemudian mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Akta itu memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk mengarahkan supaya tidak ada pergerakan keluar rumah. Ia seperti mengasingkan diri dan kuarantin.

Setakat semalam (Sabtu), lapan kematian dicatatkan di Malaysia. Apakah yang boleh dirumuskan dengan pertambahan ini?

Setakat jam 12 tengah hari semalam, terdapat enam kematian akibat Covid-19, kesemuanya merupakan pesakit yang berada dalam keadaan *ventilator*. Menjelang petang, ada tambahan dua kes lagi. Jadi kes hari ini (semalam) daripada 153 yang positif, 90 daripada mereka daripada kumpulan kluster tabligh.

Seperti kita jangka, kita masih lagi perlu untuk mengeluarkan kluster tabligh ini untuk disaring iaitu lebih kurang 2,000 orang yang perlu kita cari. Kes kematian memang dijangka tetapi apa yang kita pasti tiada kes baharu daripada kluster yang terbaru.

Adakah kemungkinan berlaku gelombang ketiga yang lebih dahsyat?

Kalau tidak dapat diatasi dengan baik, ia akan jadi gelombang ketiga seperti tsunami. Ini yang berlaku di Itali. Negara maju seperti Itali sendiri mempunyai enam gelombang. Kalau kita tidak sekat lebih awal, kita akan berdepan dengan gelombang ketiga.

Untuk makluman, kita sudah ada generasi kedua daripada jemaah tabligh ini. Maknanya, kalau si bapa hadir pro-

gram tabligh di Masjid Sri Petaling, Covid-19 ini mungkin sudah ada dalam tubuh anak dan isteri mereka. Ini yang kita panggil sebagai generasi kedua dalam penularan Covid-19. Apa yang perlu kita lakukan adalah rangkaian penyebaran penularan wabak itu mesti dihentikan.

Dalam beberapa hari ini, Datuk Seri meninjau hospital, berjumpa pengamal-pengamal perubatan dan berjumpa pesakit. Apa yang boleh Datuk Seri katakan tentang virus Covid-19 ini?

Covid-19 adalah virus yang tidak pernah wujud dalam badan manusia. Ia bermula di Wuhan. Koronavirus ini berbentuk *crown* (mahkota) dan 'badan' virus ini ada jeriji-jeriji yang melekat pada dinding tisu manusia. Virus ini suka duduk di kerongkong. Tempat kedua yang virus ini suka duduk adalah pada bahagian bawah paru-paru. Sebab itu mangsa mengalami pneumonia apabila terkena jangkitan Covid-19. Ini sangat bahaya kerana dalam infeksi virus ini, tiada ubat dan vaksin yang ditemui. Kita merawat pesakit dengan rawatan simptomatik sahaja.

Dalam kes yang teruk, ia akan menyebabkan masalah radang saluran pernafasan. Kadar kematian tinggi di Itali disebabkan tiada *ventilator* yang mencukupi. Pesakit yang teruk itu tidak dapat dibantu dengan *ventilator* atau alat bantuan pernafasan. Ini senario kes yang teruk berlaku di Itali.

Kita tidak boleh ambil mudah penularan Covid-19 kerana ia sangat bahaya. Virus ini tidak pernah ada dalam badan manusia tetapi kali ini ia mempunyai kekuatan untuk berpindah dari manusia ke manusia melalui *droplet* atau titisan kecil. Jadi kalau batuk, ada selesema, bersin, ia mudah menjangkiti orang lain yang duduk dekat dan rapat dengan kita.

PROFIL

DATUK SERI DR ADHAM BABA

Jawatan: Menteri Kesihatan
Umur: 58 tahun (1962)

Asal: Sungai Dulang Rengit, Batu Pahat, Johor

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan, Universiti Malaya

Politik:

- Ahli Parlimen Tenggara (2018-kini, dan 2004-2008)
- Ahli Dewan Undangan Negeri Pasir Raja (2008-2018)

Kerjaya:

- Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (1988-1990)
- Doktor perubatan rangkaian Klinik Adham Sdn Bhd (1990-kini)
- Pro Canselor Universiti Kuala Lumpur (2013-2018)

Selain itu, sekiranya kita batuk di dalam bilik air sekali pun, jika orang lain datang dan menggunakan tandas tersebut ia juga boleh berjangkit.

Jadi, warga Malaysia mesti mengambil berat supaya pertama, kita selamatkan diri kita dahulu. Kedua, selamatkan keluarga kita dan ketiga, kita selamatkan masyarakat kita.

Datuk Seri sudah lebih 30 tahun terlibat dalam bidang perubatan dan telah melihat kemunculan banyak virus berbahaya di dunia seperti SARS, Ebola dan Japanese Encephalitis (JE). Apakah Covid-19 ini lebih berbahaya berbanding kumpulan virus yang lain?

Dalam perubatan, kita menggelarkan

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : WAWANCARA

ini sebagai penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit ini bukan sahaja koronavirus, tetapi kita ada denggi, tuberkulosis, SARS, wabak influenza H1N1 dan MERS-Cov iaitu virus daripada unta. Jadi virus-virus ini sebenarnya memerlukan perumah yang melibatkan haiwan dan manusia.

Covid-19 ditemui seawal Disember 2019. Sebab itu kita panggil novel koronavirus-19, bermaksud virus yang baharu. Memang ia betul-betul baharu kerana ditemui secara tiba-tiba di wilayah Wuhan, China. Asalnya masyarakat di sana dikatakan memakan haiwan-haiwan eksotik. Orang yang pertama dijangkiti boleh pindahkan kepada kontak pertama, kedua, ketiga dan keempat dengan pantas kerana virus ini memerlukan tubuh manusia untuk terus hidup.

Apakah yang boleh Datuk Seri katakan terhadap wira barisan hadapan negara dalam usaha memerangi wabak ini?

Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua petugas yang berada di lapangan sama ada di hospital yang telah kita khususkkan untuk menangani Covid-19.

Buat masa ini, kita sudah gazetkan sebanyak 59 hospital yang digunakan untuk merawat kes positif Covid-19 selain membuat ujian saringan. Sebuah lagi hospital bukan di bawah Kementerian iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Untuk pasukan petugas KKM yang berada di barisan hadapan, kita juga ada petugas pembersihan sebab pasukan terbabit mungkin berdepan dengan kontak-kontak yang tidak tahu diri mereka positif. Atau kita tak dapat maklumat awal kerana mereka tidak beritahu dari mana mereka datang. Mungkin juga pesakit tidak perasan yang mereka sebelum itu ada hubungan dengan kontak positif Covid-19.

Kepada petugas yang sedang berkhidmat di barisan hadapan, kita menyuruh agar mereka terus bersemangat untuk menjayakan langkah rawatan ke atas pesakit Covid-19. Ini termasuklah mereka yang sedang disaring dan diasas sama ada mereka positif atau tidak.

Di hospital saringan ini, petugas kena berhati-hati dan bertindak sangat teliti. Sebab itu kita perlukan kelengkapan seperti peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang patut mereka pakai. Dan ini kita salurkan sekiranya hospital-hospital yang menjalankan tanggungjawab ini mengalami kekurangan bekalan.

Kita ada bantuan daripada kerajaan menerusi fasa pertama iaitu ketika gelombang pertama Covid-19 yang telah berakhir. Dalam gelombang kedua, kita peruntukkan sebanyak RM160 juta dan ini telah dihantar ke semua hospital yang terlibat. Kita juga diberikan tanggungjawab untuk mendapatkan bekalan seperti ventilator, PPE dan peralatan untuk mengukur suhu badan di pintu-pintu masuk negara.

Saya sekali lagi berterima kasih kepada staf-staf yang telah lama bertugas di lapangan. Mereka bertugas tanpa henti. Untuk itu, kerajaan telah menyediakan elaun khas RM400 sebulan kepada doktor serta kakitangan perubatan di barisan hadapan sebagai tanda penghargaan sehingga wabak ini berakhir. Kita tidak tahu berapa lama lagi ia akan berlarutan. Apa yang perlu kita buat sekarang adalah cuba membendungnya.

Apakah agaknya yang akan berlaku sekiranya kita tidak melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula 18 Mac lalu?

Kerajaan melakukan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac sehingga 31 Mac ini setelah mengambil kira tempoh inkubasi virus tersebut.

Sekiranya virus Covid-19 memasuki tubuh kita, ia akan berada di dalam badan selama 14 hari, jadi ini adalah tempoh inkubasi virus tersebut. Pada waktu itu, kita perlu membendungnya daripada terus menular.

Tetapi sekiranya mereka (rakyat) tidak boleh laksanakan tanggungjawab tersebut, kita mungkin terpaksa mengisytiharkan darurat seperti yang dilaksanakan di negara China dan ini mungkin tidak digemari oleh masyarakat.

Pelaksanaan perintah itu ditetapkan selama 14 hari, apakah harapan kita untuk berjaya?



Dr Adham ketika diwawancara Sinar Ahad di pejabat beliau di Kementerian Kesihatan, Putrajaya. Turut kelihatan Zuki (dua dari kanan) dan Nurul Riduan (tiga dari kanan).

ANEKDOT

Bimbang dijangkiti seperti menteri di luar negara

SAYA ambil maklum kes beberapa pemimpin utama di luar negara turut dijangkiti Covid-19. Ini termasuklah Menteri Kesihatan United Kingdom, Nadine Dorries dan Menteri Pengangkutan Indonesia, Budi Karya Sumadi.

Jadi cara saya untuk mengelakkan terkena jangkitan adalah dengan mengamalkan penjarakan sosial supaya tidak terkena seperti cecair batuk sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Kedua, mesti amalkan hidup sihat dengan pemakanan seimbang. Formula terbaik ialah kerap minum air yang dimesek untuk menyingkirkan kuman pada tekak. Yang paling penting ialah jaga kebersihan tangan. Tangan ini punca sentuhan. Kita tak mahu tangan kita ini tercemar dan akhirnya

kita sendiri terkena Covid-19.

Kita boleh nyahkan virus tersebut dengan kerap minum air masak kerana virus yang ada di tekak boleh disingkirkan daripada tekak dan terus masuk ke dalam perut. Apabila virus ini terkena asid perut, ia akan musnah.

Kalau ia dibiarkan terus hidup, ia akan masuk ke dalam sel badan kita dan membaki. Kita bimbang mereka yang ada virus ini dalam badan akan berpindah kepada orang lain.

Untuk itu, penjagaan diri dan pemakanan seimbang di rumah supaya kita kekal sihat dan sentiasa berdoa supaya penularan wabak ini tidak lagi menjadi bebanan kepada masyarakat. Pertama selamatkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Minat jadi doktor sejak kecil, buka 18 buah Klinik Adham

SAYA minat dalam perubatan sudah lama. Daripada saya melihat dulu zaman kecil saya, satu pekerjaan yang sangat mulia iaitu merawat orang sakit. Apabila saya menjadi doktor di Kementerian Kesihatan dahulu, saya dapati saya ada peluang lain untuk berkhidmat di kawasan-kawasan yang mungkin tiada ramai doktor yang mampu membuka klinik persendirian.

Jadi saya cuba memulakan Klinik Adham Sdn Bhd pada awal 1990-an. Alhamdulillah, mungkin dengan ilmu yang saya ada,

saya dapat menembusi pasaran rawatan kesihatan sehingga ada 18 cawangan sekarang. Ramai datang ke klinik untuk berkhidmat. Saya juga ada didatangi oleh rakan-rakan lain yang mahu menjadikan klinik saya sebagai klinik-klinik rangkalan mereka.

Jadi itu merupakan satu anugerah daripada ALLAH SWT sebenarnya. Apabila menceburi bidang perubatan, yang pertama kena ikhlas. Kedua, kita mesti rawat orang, blar baik, dengan jujur dan ikhlas.

Kita mesti menang. Semua yang terjadi ini mesti ada puncanya dan ia telah dikenal pasti. Kita perlu bertindak untuk menamatkan apa yang kita jangka. Mereka yang telah terkena Covid-19, kita rawat atau mereka perlu tampil untuk dirawat.

Harus diingat, jumlah mangsa virus ini telah meningkat secara mendadak. Ini isyarat supaya kita berfikir, kalau kita tak akur dengan arahan duduk di rumah seperti yang dikehendaki dalam Perintah Kawalan Pergerakan, apa lagi yang kita boleh buat?

Itulah sahaja cara terbaik iaitu kita kuat kuasakan sekatan pergerakan supaya kontak antara manusia dapat dihalang daripada berlaku. Apabila kita dapat putuskan rangkaian penularan wabak, itu adalah langkah terbaik.

Covid-19 dikatakan ujian terhadap keupayaan kerajaan Perikatan Nasional dalam menangani impak berganda wabak ini. Adakah jika berjaya, ia akan memberi kelebihan kepada kerajaan baharu sekarang?

Ya, tepat. Covid-19 ini bukan melanda Malaysia sahaja tetapi satu dunia. Tidak ada satu negara yang tidak terkesan kecuali negara-negara tertentu yang tiada pergerakan bebas.

Kita tahu kita ada pergerakan bebas. Orang dari England ke Malaysia, Korea Selatan ke Malaysia dengan kapal terbang, jadi kes import banyak. Oleh itu, kalau kita dapat hentikan dahulu kes yang diimport, itu merupakan satu kejayaan.

Saya yakin apa yang berlaku ini adalah ketentuan ALLAH SWT. Justeru apabila pada 10 Mac lalu barisan anggota Kabinet kerajaan Perikatan Nasional angkat sumpah, saya nampak ia adalah sebuah kerajaan yang akan memberi nafas baharu kepada negara kita, kepada masyarakat, kepada rakyat.

Pada saya, kita (kerajaan baharu) perlu membuat tawaran baharu untuk dilaksanakan tanggungjawab. Semua kementerian yang diwujudkan oleh Perdana Menteri bertujuan untuk mengatasi apa juga masalah sebelum ini.

Ini terutama sekali apabila selama 22 bulan lepas, kita dapati banyak masalah yang ketara selain janji yang tidak ditunaikan. Rakyat juga marah kerana ada penjualan aset-aset, penambahan hutang yang berterusan dan juga dividen-dividen yang berkurang. Ditambah pula dengan ketidakanggapan pemimpin dahulu menunaikan manifesto mereka.

Jadi, kerajaan baharu hari ini ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dengan tawaran-tawaran baharu.

Apakah yang ingin Datuk Seri katakan kepada rakyat Malaysia khususnya dalam isu Covid-19?

Pertama sekali, bersatu padulah untuk menghentikan wabak Covid-19 ini dengan memutuskan rantaianya.

Kedua, bertenang, duduk di rumah. Kalau pelajar, duduklah di asrama. Ikut nasihat Perdana Menteri iaitu bertenang, stay at home serta ambil langkah selamat dan pencegahan. Itu paling penting.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Health DG: Staff infected not due to non-compliance

PUTRAJAYA: The Health Ministry has confirmed that none of its staff infected by the Covid-19 virus was due to non-compliance.

In a press conference yesterday at the ministry's headquarters, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah confirmed that 19 Health Ministry workers

had been infected, with two currently admitted to the intensive care unit.

"The source of their infections were from close contact with those in the tabligh clusters.

"It is not because of non-compliance while handling cases," he said. On patient's details being shared

online, Dr Noor Hisham said consent was imperative and that a police report could be lodged against those who shared such information without consent.

He also noted that there were cases of clinics requiring cleaning and disinfection after patients had not been truthful to health workers

and he urged every patient to be honest when questioned by doctors.

On the homeless during this period, he said that the ministry was concerned.

"We have seen and placed them appropriately. Checks to isolate (those infected) are also being done. They are also part of our communi-

ty and we have identified places to accommodate them," he said.

While not directly commenting on Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba's advice to Malaysians to drink warm water to "flush" virus to the stomach, Dr Noor Hisham said all treatments were based on evidence-based medicine.